

# KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: SINAR HARIAN (NASIONAL)

TARIKH: 05 NOVEMBER 2019

MUKA SURAT: 30

## Dasar Rumah Selangorku 2.0 selari dengan DRMM

**SHAH ALAM** - Dasar Rumah Selangorku 2.0 yang mahu mencapai matlamat 'Satu Keluarga Satu Kediaman Yang Sempurna' selari dengan Dasar Perumahan Mampu Milik Negara (DRMM) ditetapkan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT).

Exco Perumahan dan Kehidupan Bandar Selangor, Haniza Mohamed

Talha berkata, kerajaan negeri dan kerajaan Pusat bekerjasama merangka dan melaksanakan Dasar Rumah Selangorku 2.0.

Menurutnya, enam kriteria DRMM diambil kira kerajaan negeri bagi melaksanakan Dasar Rumah Selangorku 2.0 termasuk piawaian dan standard perumahan.

"Selain itu harga ditetapkan kerajaan negeri

antara RM42,000 hingga RM250,000 adalah lebih rendah dari harga jualan ditetapkan DRMM sebanyak RM300,000," katanya.

Haniza berkata demikian ketika menjawab pertanyaan Saari Sungib (Amanah-Hulu Kelang) mengenai usaha kerajaan negeri bagi memastikan dasar Rumah Selangorku selari dengan DRMM.